



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

24 Julai 2015 / 8 Syawal 1436

Peranan Agama Dalam Dunia Moden

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ الْفُرْقَانَ وَ أَيْدِ النَّاسِ بِالْحِكْمَةِ وَ الْبَيَانَ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ شَهِدَ لِنَفْسِهِ
الْوَحْدَانِيَّةَ وَ الْإِحْسَانَ وَ شَهِدَ بِهِمَا مَلَائِكَتُهُ وَ الثَّقَلَانِ، وَأَشْهَدُ
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمَبْعُوثُ بِالرَّحْمَةِ وَ الرِّضْوَانِ ،
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَ عَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ
تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita menanamkan keazaman untuk bertakwa kepada Allah s.w.t., dengan melaksanakan segala titah perintah Allah dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga Allah mengurniakan kepada kita iman yang kukuh sebagai sumber kekuatan berhadapan dengan cabaran kehidupan.

Saudara,

Sudah seminggu kita berada di dalam bulan Syawal. Ini bermakna sudah seminggu juga Ramadan berlalu

meninggalkan kita. Saya percaya, Ramadan telah banyak meninggalkan kesan yang baik di dalam membantu kita membina kerohanian yang teguh sebagai umat yang beriman dan bertakwa kepada Allah s.w.t.

Jelas kepada kita, saudara, betapa Islam merupakan agama yang menganjurkan keseimbangan dalam segala serba serbi kehidupan manusia. Bukan sahaja ibadah puasa berkesan di dalam pembentukan jasmani yang sihat, ia juga amat penting untuk kita mencapai kekuatan rohani yang murni. Kedua-duanya sangat diperlukan manusia. Terutamanya ketika umat Islam berhadapan dengan pelbagai cabaran hidup dunia moden pada hari ini.

Pastinya dunia dan kehidupan manusia tidak pernah lekang daripada perubahan. Namun kadar kepesatan perubahan yang dibawa oleh kemodenan hari ini adalah sesuatu yang tidak pernah dialami oleh umat manusia sepanjang sejarah kewujudannya. Rasanya, belum sempat kita menangani sesuatu perubahan, ataupun sesuatu aspek kemajuan belum sempat kita kuasai, pelbagai lagi perkembangan menerpa di hadapan kita. Dalam masa kemodenan menghadirkan kita dengan pelbagai pencapaian teknologi yang memudahkan kehidupan, di samping pengaliran ilmu dan maklumat yang tidak lagi bersempadan, kemodenan juga dilihat sebagai gelombang yang mencabar nilai dan keperibadian ummah. Gaya hidup bebas tanpa sebarang ikatan moral dilihat sebagai

natijah kemodenan yang amat meresahkan. Sikap hedonisme pula, iaitu anggapan bahawa tujuan hidup adalah semata-mata untuk mengejar kebahagiaan dan memuaskan keinginan untuk meraih kenikmatan dunia, menjadi di antara ciri utama manusia moden pada hari ini.

Saudara-saudara sekalian,

Kita sebagai umat Islam, tentunya dipandu oleh keimanan kita untuk mempunyai keyakinan diri yang tinggi di dalam menghadapi apapun perubahan dan perkembangan yang menjelma. Umat Islam meyakini bahawa dunia ini merupakan tempat yang diamanahkan oleh Allah s.w.t. untuk diuruskan dengan baik. Oleh itu umat Islam ini tidak akan melihat kemodenan sebagai sesuatu yang sama sekali buruk dan membinasakan. Kerana kita adalah khalifah yang dilantik Allah. Dan khalifah seharusnya mencorak perubahan dan memanfaatkan hasilnya. Bukan sekadar melukut di tepi gantang, membiarkan diri dimakan nasib malang yang memanjang.

Ini memerlukan keutuhan rohani, saudara-saudara sekalian. Apabila kerohanian itu mampu dibina dan dipelihara, ia akan menjadi sumber kekuatan kita. Pada waktu yang sama, kita tidak akan mudah hanyut dan terpengaruh dengan arus kemodenan di sekeliling kita. Perhatikan hadith Nabi s.a.w. tersebut:

لَا تَكُونُوا إِمَّةً ، تَقُولُونَ : إِنْ أَحْسَنَ النَّاسُ أَحْسَنًا وَإِنْ ظَلَمُوا
ظَلَمْنَا ، وَلَكِنْ وَطَّنُوا أَنْفُسَكُمْ ، إِنْ أَحْسَنَ النَّاسُ أَنْ تُحْسِنُوا وَإِنْ
أَسَاءُوا فَلَا تَظْلِمُوا .

Yang bermaksud: “Janganlah kamu menjadi orang yang 'ikut-ikutan' dengan mengatakan: Kalau orang lain berbuat kebaikan, kami pun akan berbuat baik dan kalau mereka berbuat zalim (berbuat dosa) kami pun akan berbuat zalim (berbuat dosa). Tetapi teguhkanlah pendirianmu, Kalau orang lain berbuat kebaikan kamu juga akan berbuat kebaikan dan kalau orang lain berbuat kejahatan janganlah kamu ikut melakukan kezaliman.” [Hadith riwayat At-Tirmizi]

Ini merupakan kesan positif kerohanian yang berjaya dibina. Inilah juga kerohanian yang ingin kita bina sebagai benteng untuk memelihara diri kita dan diri ahli keluarga kita dan membawa kejayaan dunia dan akhirat. Firman Allah s.w.t. di dalam surah As-Syu'ara' ayat 88-89:

يَوْمَ لَا يَنْفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ ﴿٨٨﴾ إِلَّا مَنْ آتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ﴿٨٩﴾

Yang bermaksud: “Hari (akhirat) yang padanya harta benda dan anak-pinak tidak dapat memberikan pertolongan sesuatu apapun. Kecuali (harta benda dan anak-pinak) orang-orang yang datang menghadap Allah dengan hati yang selamat sejahtera.”

Saudara-saudara sekalian,

Apabila kita berkata tentang pentingnya kerohanian yang utuh sebagai benteng, kita juga perlu menyedari bahawa ia bukan bermaksud kita membina tembok batu tebal yang membuat kita terpenjara didalam kehidupan. Islam tidak mengajar umatnya untuk mengasingkan diri dari dunia dan masyarakat, atau menolak semua jenis perubahan atas alasan memelihara kerohanian. Inilah fahaman kerohanian yang kaku serta jumud, sehingga timbul anjuran untuk orang-orang Islam membina kampung-kampung tersendiri yang terasing dari masyarakat lain semata-mata untuk memelihara akidah dan agama.

Dakwaan tersebut sebenarnya bercanggah dengan ajaran Islam. Islam datang untuk membawa pembaharuan dan pembangunan. Jika kita membuka lembaran sejarah Islam, kita akan mendapati bagaimana generasi unggul terdahulu berjaya membina kerohanian murni yang membangunkan tamadun dan menyumbang ke arah kesejahteraan insan dan dunia. Tamadun Islam yang telah mereka bangunkan merupakan tamadun yang berpaksikan kepada keimanan dan ketakwaan. Di sebalik pembangunan yang pesat dan kemajuan yang diraih, tidak sedikit pun prinsip-prinsip asas Islam diabaikan. Malahan, nilai-nilai Islam menjadi nadi dalam pembangunan tamadun yang menyumbang kepada kemajuan manusia sejagat.

Islam merupakan agama yang menggalakkan umatnya untuk bergerak didalam kehidupan bermasyarakat dan terus berfikir

ke arah membina tamadun yang gemilang. Tamadun yang menitikberatkan pembentukan individu yang memiliki kerohanian yang murni dan teguh, dalam masa yang sama bersemangat tinggi untuk mengusahakan pembaharuan dan peningkatan dalam semua aspek kehidupan insan.

Semoga Allah menganugerahkan kita kefahaman yang jelas dan azam yang kukuh untuk terus menjadi umat yang membawa rahmat kepada dunia, berbekalkan kerohanian dan hati yang suci.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُودُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.